



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. DR. NAGULENDRAN A/L**

**KANGAYATKARASU**

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA**

**(PERANCANGAN DAN PEMBUDAYAAN  
SAINS)**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN  
INOVASI**

**SEMPENA**

**MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN BENIH**

**PADI IS21 KEPADA PESAWAH**

**PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN**

**MACHANG**

**24 JULAI 2022 | 10.00 PAGI**

**KAMPUNG BUKIT TIU , MACHANG, KELANTAN**

# **Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

## **(SALUTATION)**

### **DAN SELURUH KELUARGA MALAYSIA YANG DIKASIHI.**

1. Terima kasih atas kehadiran YBhg Dato'/Tuan/Puan pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang di Kampung Bukit Tiu, Machang, Kelantan.
2. Penganjuran majlis ini adalah bersempena dengan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang sedang berlangsung bermula pada 22 sehingga 24 Julai 2022 di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.

### **Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

3. Terlebih dahulu, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak di atas komitmen yang diberi melalui kerjasama dalam merealisasikan majlis ini antaranya Agensi Nuklear Malaysia, Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan dan Pertubuhan Peladang Kawasan Machang. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pesawah yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dalam majlis ini. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan amat besar maknanya buat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

**Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,**

4. Produktiviti pengeluaran padi negara pada masa ini masih rendah berbanding negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam. Malaysia masih mengimport beras daripada negara luar untuk menampung keperluan negara. Untuk makluman kadar sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) pengeluaran padi negara kita ketika ini adalah sekitar 70%. Dengan perubahan iklim dunia, tanaman terdedah kepada persekitaran ekstrim dan penyakit baharu tanaman yang mungkin wujud dan sukar dikawal maka ini secara langsung boleh mengurangkan dan menjelaskan hasil tanaman. Bagi menangani masalah ini, maka teknologi pembaikbakaan, penanaman dan pengeluaran tanaman harus lebih efisien untuk menghasilkan tanaman berkualiti dengan hasil yang tinggi.
5. Bagi merealisasikan perkara tersebut, agensi penyelidikan di bawah MOSTI iaitu Agensi Nuklear Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan penghasilan varieti baharu padi NMR152 yang merupakan produk hasil kajian biak baka mutasi aruhan sinaran gama yang mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan oleh petani dan telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB, MAFI) sebagai padi sah negara.
6. Benih padi NMR 152 yang telah diberi penjenamaan semula dengan panggilan IS21 ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor. Syukur, para pesawah dan petani yang telah menggunakan padi benih IS21

ini sejak ia dilancarkan telah memberi respon yang sangat positif.

**Hadirin yang dikasihi,**

7. Untuk makluman semua, benih padi IS21 ini mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah. Dari segi penghasilannya pula, potensi pengeluaran hasil baka padi IS21 ini boleh mencecah sehingga sepuluh (10) tan sehektar mengikut kawasan penanaman jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan.
8. Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.
9. Pada masa ini kerajaan menghadapi cabaran yang besar untuk menangani isu sekuriti makanan dan kenaikan harga barang. Pasukan khas Jihad Tangani Inflasi yang dianggotai jemaah menteri telah ditubuhkan oleh kabinet untuk membantu rakyat supaya mendapat akses kepada makanan dan membantu rakyat menangani beban kenaikan barang.
10. Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menujuhkan Jawatankuasa Kerjasama strategik untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi di dalam sektor pertanian.
11. MOSTI mempunyai 27 penyelesaian teknologi yang sedia diguna pakai secara meluas bagi membantu negara menangani isu sekuriti makanan untuk penyelesaian jangka masa pendek. Penyelesaian teknologi itu terbahagi kepada beberapa kluster iaitu biji benih,

biobaja dan baja penggalak, penggunaan dron dan robotik, perkhidmatan ujian dan aplikasi Internet benda (IoT), akuakultur serta makanan ternakan.

12. Nuklear Malaysia turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk MARDI, UKM, UPM, Jabatan Pertanian, IADA dan UiTM dalam pelbagai aspek kajian tanaman padi. Selain agensi tempatan Nuklear Malaysia juga bekerjasama dengan agensi antarabangsa seperti seperti IAEA dan Japan Atomic Energy Agency (JAEA) di bawah Platform Forum Nuclear Cooperation in Asia (FNCA). Diharap kerjasama strategik menggunakan teknologi nuklear dalam pengeluaran tanaman dan pembangunan varieti baru boleh merancakkan lagi industri padi dan secara tidak langsung boleh meningkatkan produktiviti padi dalam negara.

**Hadirin sekalian,**

11. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas usaha yang berterusan tidak kira apa ju peranan dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan sehingga dapat menghasilkan benih padi yang berkualiti di negara ini. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara untuk mengimport beras dari luar negara.
13. Sebagai penutup, saya dengan ini menyempurnakan **Majlis Simbolik Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang** di Kampung Bukit Tiu, Machang, Kelantan.

**Sekian, terima kasih.**

